

24 anak pesakit buah pinggang sertai pertandingan melukis

KOTA KINABALU: Seramai 24 orang anak kepada pesakit buah pinggang menyertai pertandingan melukis anjuran Posot Dialisis Kebaikan MAA Medicare-Peter Mole MBE di Kota Kinabalu, Sabah pada 7 Disember lepas.

Ahli Lembaga Tabung Kebaikan Buah Pinggang MAA Medicare Tan Sri Datuk Ibrahim Mesadlin turut hadir bagi menyampaikan peralatan persekolahan seperti beg, bocar kantur Bora dan hadiah-hadiah lain kepada kanak-kanak yang hadir.

"Selain membantu anak-anak pesakit buah pinggang dengan memberi peralatan sekolah Tabung Kebaikan Buah Pinggang MAA Medicare turut membantu mereka dalam hal-hal lain dan salah satu daripadanya ialah dengan mengadakan pertandingan melukis bagi mengembangkan bakat kreatif di samping memberi ganjaran dalam pencapaian akademik kerana kimah yang terbaik daripada mereka," jelas Ibrahim.

Sementara itu Timbalan Presiden Kasaan Tabung Kebaikan Buah Pinggang MAA Medicare Aliyah Karen berkata bahwasannya MAA Medicare telah membantu seramai 240 anak-anak pesakit dengan perbelanjaan sebanyak RM25,634 bagi membantu mereka membeli pakaian senang sekolah, kantur, alat tulis dan beg.

"Sekirang-kurangnya ini adalah bantuan yang mampu kami berikan kerana kami juga ingin anak-anak pesakit menasuki sei persekolahan baharu dengan burung-burung baharu seperti kanak-kanak lain," ujarnya.

Aliyah menjelaskan bahawa anak-anak pesakit sedang membesar bersama mereka dan turut gembira jika mereka mencatat keputusan cemerlang di sekolah dan mereka pasti akan diberi gelaran atas usaha mereka.

Posot Dialisis Kebaikan MAA Medicare-Peter Mole MBE di Kota Kinabalu dilengkapi dengan 14 mesia-

diuloh dan mampu menerima pesakit seramai 34 orang pada suatu masa dan beroperasi dalam tiga syif setiap hari Jumaat dan Sabtu yang kini menerima seramai 63 pesakit setakat ini.

Sejak 2009, Tabung Kebaikan Buah Pinggang MAA Medicare telah melancarkan Program Kids@ Medicare bagi membantu pesakit buah pinggang dan anak-anak mereka dengan bantuan-bantuan seperti pemberian beg sekolah, alat tulis dan lain-lain.

MAA Medicare yang ditubuhkan pada 1994 merupakan tabung amal ah awam bergantung sepenuhnya kepada sumbangan-sumbangan daripada individu dan syarikat korporat bagi menjalankan program dan aktiviti-nya.

MAA Medicare juga merupakan organisasi kedua terbesar dalam menyediakan perkhidmatan dialisis di Malaysia dengan jumlah pesakit seramai 800 orang di-

bawah jagaanys dia menurut statistik terdapat 27,000 pesakit buah pinggang di negara ini, dengan lebih 5,000

pesakit baru.

Untuk maklumat lanjut MAA Medicare boleh dibubungi melalui wakil Jabatan Pengumpulan Dana

Bahagian Perhubungan Awam dan Komuniti Emily Leb di talian 03-4044468 atau wakil Jabatan Pengumpulan Dana

Cik Liza jika ingin mendakwa atau e-mel ke fundraising@maa.my atau rujuk laman web www.maa-medicare.com.my



IBRAHIM merakam kenangan selepas penyampaian peralatan sekolah kepada anak-anak kepada pesakit buah pinggang.